

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

Kes keracunan makanan Ramadan 2020 menurun

Masyarakat diminta amal lima kunci keselamatan pastikan hidangan bersih, selamat

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzki@bh.com.my

Putrajaya: Kes keracunan makanan sepanjang Ramadan di Malaysia mencatatkan penurunan pada 2020, iaitu dalam tempoh awal negara dilanda pandemik COVID-19 sebelum meningkat semula bagi tempoh sama tahun lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata 22 kes keracunan makanan direkodkan ketika Ramadan 2020 berbanding 36 pada tahun sebelumnya, tetapi meningkat 77.3 peratus dengan 39 kes pada 2021.

"Ini kemungkinan besar di-

sumbangkan pembelian juadah di luar selepas kebenaran pengoperasian bazar Ramadan pada 2021, dengan beberapa prosedur operasi standard (SOP) yang ketat," katanya dalam kenyataan, semalam.

Begitupun, Dr Noor Hisham berkata, Kementerian Kesihatan (KKM) mengesan trend penurunan episod keracunan makanan secara keseluruhan sejak empat tahun lalu, iaitu 516 kes pada 2019, 288 (2020) dan 197 (2021), manakala dalam situasi pandemik COVID-19, kes direkodkan menurun sebanyak 31.6 peratus pada 2021 daripada 2020.

Justeru, beliau mengingatkan masyarakat supaya mengamalkan lima kunci keselamatan makanan bagi memastikan hidangan disediakan untuk ahli keluarga bersih dan selamat.

Amalan itu ialah menjaga kebersihan diri dengan mencuci tangan sebelum dan selepas me-

nyediakan makanan, menggunakan peralatan berasingan untuk makanan mentah bagi mengelak pencemaran kepada makanan yang dimasak, masak makanan dengan sempurna dan pastikan ia dimakan dalam tempoh tidak melebihi empat jam.

Selain itu, simpan makanan sedia dimakan pada suhu bersesuaian dan tidak melebihi tiga hari di dalam peti sejuk serta menggunakan bahan mentah segar dan air bersih untuk memasak.

Dr Noor Hisham juga mengingatkan peniaga di bazar Ramadan supaya sen-

tiasa menitikberatkan aspek kebersihan serta keselamatan makanan dan minuman yang dijual bagi mengelak kes keracunan makanan, iaitu penyakit disebabkan pengambilan makanan atau minuman tercemar dengan toksin terhasil daripada bakteria, virus atau parasit.



Dr Noor Hisham Abdullah

"Kes keracunan makanan tidak boleh dipandang enteng kerana ia boleh menyebabkan pelbagai komplikasi kesihatan dan seterusnya mengancam nyawa," katanya juga sambil meminta umat Islam di negara ini memberikan perhatian kepada amalan pemakanan sihat bagi memenuhi keperluan tenaga sepanjang tempoh berpuasa ketika Ramadan.

Beliau berkata, amalan pemakanan sihat dapat memastikan kesihatan berada pada tahap optimum dan penting bagi mengelakkan peningkatan berat badan berlebihan serta obesiti, selain mengurangkan risiko penyakit tidak berjangkit (NCD).

"Pengambilan makanan tinggi serat seperti buah-buahan dan sayur-sayuran turut digalakkan bagi mengoptimalkan sistem imuniti badan.

"Elak pengambilan minuman berkafein seperti teh dan kopi yang boleh menyebabkan kehilangan air dalam badan. Minumlah lapan gelas atau dua liter air antara waktu berpuasa hingga waktu sahur," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : NASIONAL

Kes babit COVID-19 diproses kategori Penyakit Khidmat

Kuala Lumpur: Bermula 1 April, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) memproses tuntutan faedah berkaitan kes COVID-19, di bawah kategori Penyakit Khidmat.

PERKESO dalam kenyataan memaklumkan, selain COVID-19 antara penyakit berjangkit lain yang turut diletakkan di bawah kategori Penyakit Khidmat ialah jangkitan virus Nipah, Tuberkulosis (batuk kering) dan Leptospirosis (penyakit kencing tikus).

"Sekiranya Orang Berinsurans (OB) PERKESO ingin membuat tuntutan faedah bagi kes COVID-19, tuntutan itu masih layak dipertimbang, namun terhad kepada pekerjaan yang terdedah kepada agen biologi, dan adanya jangkitan dalam kalangan pekerja jagaan kesihatan.

"Permohonan itu akan diproses sebagai Penyakit Khidmat

dan OB yang layak, akan menerima faedah-faedah di bawah Skim Bencana Pekerjaan atau Skim Keilatan merangkumi Faedah Hilang Upaya Sementara, Faedah Hilang Upaya Kekal, Pencen Penakat, Pencen Hat dan Faedah Pengurusan Mayat, mengikut kelayakan masing-masing," katanya semalam.

PERKESO menyatakan, bagi permohonan tuntutan faedah oleh OB yang disahkan positif COVID-19 sebelum 1 April, proses tuntutan berkenaan akan diproses sebagai Bencana Kerja.

Sehingga 26 Mac lalu, PERKESO menerima sebanyak 132,988 kes tuntutan faedah COVID-19, yang merangkumi pekerja tempatan dan asing dan daripada jumlah itu, lebih RM133 juta sudah dibayar kepada OB, sejak pemberian faedah mula dilaksanakan pada 24 Februari 2021. BERNAMA

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : NASIONAL

Virus COVID-19 tidak mengenal erti peralihan fasa baharu



Timbalan Pengarah
Institute for Research,
Development
and Innovation (IRDI)

Oleh Prof Dr Azizi Ayob
bhrencana@bh.com.my

Malaysia secara rasminya memasuki fasa peralihan ke endemik bermula Jumaat lalu yang keputusannya sudah tentu mengambil kira pelbagai faktor, termasuk melakukan penilaian risiko, mendapatkan pandangan Kementerian Kesihatan (KKM) serta meneliti syor Menteri Kuartet.

Namun, negara kini hanya berada dalam fasa peralihan ke endemik dan belum lagi memasuki fasa endemik sepenuhnya. Ini fasa sementara sebelum negara beralih ke fasa endemik yang tertakluk kepada pengumuman yang hanya boleh dibuat Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO).

Dalam proses peralihan ini, prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan sebelum 1 April masih perlu dipatuhi semua pihak bertujuan memastikan Malaysia dapat beralih ke fasa berikutnya dengan lebih selamat.

Keputusan diambil kerajaan juga memberi peluang semua pihak untuk kembali hidup sedia kala seperti pada era pra-COVID-19, lebih dua tahun lalu dan impak ke atas kehidupan sosial serta ekonomi dapat dipulihkan secara selamat tanpa melupakan kepentingan mematuhi langkah kesihatan awam bagi melindungi diri, keluarga dan masyarakat.

Antara ciri utama dalam fasa peralihan ini adalah berlaku perpindahan strategi pengawalan penularan penyakit selepas negara menguruskan pandemik COVID-19 sejak awal 2020.

Ini bermakna kebergantungan kepada intervensi kerajaan seperti SOP dan undang-undang beralih kepada keprihatinan kerajaan, menekankan tanggungjawab individu dalam pengawalan penularan solidariti serta komitmen komuniti.

Ini tidak bermaksud kerajaan mengambil satu langkah melepaskan tanggungjawab. Sebaliknya, ini membabitkan pemerkasaan fungsi dan tanggungjawab individu dalam komuniti dalam pengawalan penularan serta terus menjalankan SOP bersesuaian keperluan semasa.

Dengan strategi ini, kerajaan boleh terus mengumpulkan tenaga kerja kakitangan dan fasiliti kesihatan sedia ada untuk menangani serta menguruskan pelbagai perkhidmatan kesihatan lain yang dikira sama pentingnya.

Fasa peralihan ke endemik juga menekankan ciri penularan tempatan (*local transmission*) COVID-19 dalam komuniti masih berlaku di setiap penempatan, daerah mahupun negeri. Adalah mustahil untuk kita mencapai sehingga tiada kes positif di kesan setiap hari seperti berlaku terhadap penyakit denggi di negara ini.

Dengan kefahaman ini, ia memberi gambaran sebenar bahawa COVID-19 yang dikesan lebih dua tahun lalu akan berada pada suatu jangka tertentu dan mungkin juga akan berlaku gelombang penularan pada skala besar akibat varian baharu COVID-19 seperti yang berlaku ke atas varian Delta dan Omicron.

Berdasarkan statistik semasa COVID-19, negara

berada di bawah paras 20,000 kes selama enam hari berturut-turut dengan 17,476 kes positif dilaporkan pada 1 April, menjadikan kumulatif kes baharu kini 4,219,395 kes. Daripada jumlah kes baharu itu, sebanyak 17,365 kes atau 99.36 peratus adalah kategori satu dan dua, manakala 0.64 peratus atau 111 kes adalah dalam kategori tiga, empat serta lima.

Daripada 111 jumlah kes positif itu, didapati lebih 60 peratus adalah dalam kalangan mereka tidak divaksinasi atau belum lengkap vaksinasi serta ada belum menerima dos penggalak. Kes COVID-19 juga masih tinggi dalam kalangan mereka mempunyai komorbid atau penyakit lain serta mereka berumur lebih 60 tahun.

Kita melihat trend jangkitan COVID-19 semasa ini pada sudut positif berdasarkan jumlah kategori tiga, empat dan lima dilaporkan hanya membabitkan kurang 1 peratus daripada jumlah kes dikesan seluruh negara.

“COVID-19 akan cenderung untuk merebak apabila individu berada dalam keadaan bersesak dan padat, ruang tertutup, pengudaraan yang kotor, tiada langsung penjarakan fizikal serta tanpa penggunaan pelitup muka”

Ini juga petanda baik kesan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) yang dilancarkan secara massa sejak tahun lalu ke atas semua rakyat negara ini mendatangkan hasil.

KKM juga memaklumkan kadar kebolehjangkitan COVID-19 atau nilai Rt di seluruh negara dicatatkan pada 1 April ialah 0.87 dengan Selangor merekodkan kadar tertinggi, iaitu 1.06, manakala kadar paling rendah dicatatkan di Sabah (0.64).

Tiga negeri mencatatkan penggunaan katil kes kritikal atau unit rawatan rapi (ICU) melebihi 50 peratus dengan tertinggi di Kuala Lumpur pada tahap 57 peratus, diikuti Perlis (55 peratus) dan Selangor (50 peratus).

Justeru, apakah langkah seterusnya? Walaupun kita berada pada fasa peralihan ke endemik, sifat virus penyebab COVID-19 yang mengakibatkan penularan di seluruh dunia ini sebenarnya tidak mengenal erti peralihan ke fasa baharu.

Virus berkenaan tidak berubah sifat, walaupun tarikh 1 April diumumkan kerajaan dan pembukaan hampir semua sektor ekonomi berlaku serta kemaskini pelancong asing ke negara kita.

COVID-19 akan cenderung untuk merebak apabila individu berada dalam keadaan bersesak dan padat, ruang tertutup, pengudaraan yang kotor, tiada langsung penjarakan fizikal serta tanpa penggunaan pelitup muka.

Semua ini memberi ruang dan peluang rantaian penularan akan mudah berlaku sekiranya tiada amalan mematuhi SOP oleh individu dalam komuniti.

Kita tidak seharusnya terjebak dengan salah faham bahawa perubahan fasa peralihan ke endemik ini seolah-olah memberi tiket percuma kepada semua pihak untuk leka tanpa mengambil kira kita masih berperang dengan virus COVID-19.

Kita baru masuk ke fasa peralihan ke endemik COVID-19 dan perlu diingatkan sekali lagi kita belum lagi bersedia masuk ke fasa endemik.



Tanggungjawab individu mematuhi SOP amat penting untuk mengekang penularan COVID-19.

(Foto Aswadi) /BH

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 13

RUANGAN : NASIONAL

Pembukaan sempadan negara

Pakar saran nilai semula SOP jika jangkitan melonjak

Pelbagai pihak gusar terhadap dua subvarian Omicron mampu menular cepat

Oleh Luqman Arif Abdul Karim
luqman.arif@bh.com.my

Kuala Lumpur: Penilaian semula prosedur operasi standard (SOP) perlu dibuat sekiranya pembukaan sempadan mencetuskan peningkatan kes secara ketara yang berkemungkinan berpunca daripada dua subvarian Omicron.

Pakar epidemiologi dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Malina Osman, berkata perkembangan semasa wabak COVID-19 di beberapa negara, khususnya China yang kini berdepan lonjakan kes wajar terus diperhalusi.

Katanya, ia kerana pelbagai pihak membangkitkan kegusaran terhadap subvarian Omicron, iaitu BA.1 dan BA.2 yang dikenal pasti mempunyai kemampuan untuk menular pada kadar lebih cepat.

"Secara keseluruhan, sejak kelonggaran SOP diberikan pada Oktober tahun lalu secara berperingkat, kita lihat kes COVID-19 di Malaysia merekodkan pola penurunan.

"Ini termasuk petunjuk penting seperti kadar kemasukan ke unit rawatan rapi (ICU), hospital dan penggunaan katil yang di luar zon bahaya, manakala kadar kematian mencatatkan

pola mendatar.

"Penurunan dan kejayaan mengawal kadar jangkitan ini adalah hasil daripada liputan vaksin, meskipun wujud risiko penularan subvarian Omicron.

"Justeru, jika mengikut pengiraan dalam tempoh lima bulan sejak kelonggaran diberikan secara berperingkat, kita mampu menarik nafas lega kerana tiada lonjakan kes yang membimbangkan dan di luar kemampuan perkhidmatan kesihatan awam," katanya kepada BH, semalam.

Selepas lebih dua tahun bergelut memerangi wabak COVID-19, Malaysia mengumumkan keputusan fasa peralihan ke endemik, dengan sempadan negara kembali dibuka berkuat kuasa Jumaat lalu.

Susulan pengumuman itu, beberapa kelonggaran diberikan seperti tidak perlu menjalani kuaran tin wajib kepada pengembara luar yang mempunyai rekod suntikan imunisasi lengkap COVID-19.

Penurunan dan kejayaan mengawal kadar jangkitan ini adalah hasil daripada liputan vaksin, meskipun wujud risiko penularan subvarian Omicron

Dr Malina Osman,
Pakar epidemiologi UPM



Bagaimanapun, setiap pengembara berusia tujuh tahun ke atas dikehendaki melakukan ujian Transkripsi Terbalik Reaksi Rantaian Polimerase (RT-PCR) dua hari sebelum berlepas, manakala bekas pesakit COVID-19 yang dijangkiti dalam tempoh enam hingga 60 hari sebelum berlepas hanya perlu menjalani saringan kit ujian pantas (RTK) antigen secara profesional.

Malina berkata, sebarang gelombang penularan jangkitan COVID-19 berikutan pembukaan semula sempadan negara akan dapat dilihat dalam tempoh beberapa minggu akan datang.

Sehubungan itu, katanya, penelitian terhadap minggu epidemiologi dari tarikh pembukaan sempadan, iaitu 1 April bakal memberi gambaran keseluruhan dan menentukan corak kawalan wabak sekiranya perlu dibuat demikian.

"Saya yakin, Kementerian Kesihatan mempunyai langkah tertentu, termasuk 'circuit breaker' (pemutus litar) yang akan dilaksanakan secara bersasar dan tertumpu, bukan meliputi kawasan luar jika wujud peningkatan kes di sesuatu lokasi.

"Memasuki bulan Keenam, April ini sejak kelonggaran berperingkat diberikan, kita perlu tumpukan penilaian risiko kes COVID-19 mengikut asas 'decoupling' atau perkaitan antara peningkatan kes jangkitan dengan petunjuk penting seperti kemasukan ke ICU, kadar kematian, penggunaan katil dan sebagainya.

"Sekiranya pembukaan sempadan mencetuskan peningkatan kes dan perkaitan langsung dengan petunjuk penting, maka kita tiada pilihan selain membuat penilaian semula SOP," katanya.



Penggunaan katil ICU paling tinggi dicatatkan di Kuala Lumpur, iaitu 20 daripada 30 katil yang dikhaskan untuk kes COVID-19. (Foto hiasan)

Penggunaan katil ICU di Kuala Lumpur, Selangor lebih 50 peratus

Kuala Lumpur: Dua negeri iaitu Kuala Lumpur dan Selangor merekodkan penggunaan katil di wad unit rawatan rapi (ICU) bagi merawat pesakit COVID-19 melebihi 50 peratus.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata penggunaan katil ICU paling tinggi dicatatkan di Kuala Lumpur, iaitu 20 daripada 30 katil yang dikhaskan untuk kes COVID-19.

"Selain itu ialah Selangor yang sudah menggunakan 50 peratus daripada keseluruhan 86 katil ICU yang diperuntukkan untuk merawat pesakit COVID-19.

"Bagi katil bukan ICU, terdapat dua negeri merekodkan penggunaan katil melebihi 50 peratus, iaitu Putrajaya dengan 81 peratus dan Selangor pula 59 peratus," katanya dalam kenyataan semalam.

Beliau berkata, tiada negeri

yang menunjukkan peratusan penggunaan katil di Pusat Kuaran tin dan Rawatan COVID-19 (PKRC) melebihi 50 peratus.

Katanya, pesakit COVID-19 yang memerlukan alat bantuan pernafasan (ventilator) pula menurun kepada 153 pesakit dengan peratusan penggunaan alat bantuan itu adalah 17 peratus daripada keseluruhan ventilator untuk merawat pesakit COVID-19 dan bukan COVID-19.

Selain itu, Dr Noor Hisham berkata, terdapat juga kes COVID-19 berisiko tinggi daripada kategori satu dan dua yang memerlukan kemasukan ke PKRC dan hospital sebagai langkah berjaga-jaga.

Beliau berkata, 663 kes COVID-19 dimasukkan ke hospital dengan 378 kes membabitkan kategori satu dan dua manakala 285 kes lagi kategori tiga hingga lima.

79 daripada 14,692 kes positif baharu tahap 3, 4, 5

Putrajaya: Kadar jangkitan baharu COVID-19 kelmarin menunjukkan hanya 79 pesakit dikategorikan tahap 3, 4 dan 5 daripada keseluruhan 14,692 kes positif baharu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata daripada 14,692 kes harian yang dilaporkan, sebahagian besar dalam Kategori 1, iaitu 8,557 kes (58.24 peratus); diikuti Kategori 2 dengan 6,056 kes

(41.22 peratus).

"Sebanyak 79 kes baharu COVID-19 kategori 3, 4, dan 5 yang dilaporkan semalam (kelmarin) membabitkan 19 kes (24.06 peratus) individu tidak divaksinasi atau belum lengkap divaksinasi; 42 kes (53.16 peratus) individu sudah menerima dua dos vaksin COVID-19, tetapi belum mengambil dos penggalak dan 18 kes (22.78 peratus) sudah menerima dos penggalak," katanya dalam kenyataan.

Beliau berkata, dengan jumlah baharu itu, kes keseluruhan di Malaysia meningkat kepada 4,234,087 kes jangkitan setakat ini.

Sebanyak 261 kes memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) dan 153 kes memerlukan bantuan pernafasan.

"Selain itu, 46 kes (58.23 peratus) terdiri daripada mereka yang berusia 60 tahun dan ke

atas dan 42 kes (53.16 peratus) mempunyai komorbid," katanya.

Kementerian turut mengekalkan dua lagi kluster baharu COVID-19 menjadikan keseluruhan kluster direkodkan sebanyak 6,940 kluster dengan 6,750 kluster sudah ditamatkan dan 190 kluster masih aktif.

Dr Noor Hisham, berkata ketika ini nilai kadar kebolehan jangkitan (Rt) kebangsaan

pada paras 0.85, dengan Selangor mencatatkan Rt tertinggi iaitu 1.06, diikuti Melaka pada paras 0.86; Sarawak (0.85); Perak (0.84); Kuala Lumpur (0.81); Labuan (0.80); Putrajaya (0.79); masing-masing 0.78 di Negeri Sembilan dan Pahang; Terengganu (0.77); Johor (0.76); Pulau Pinang (0.73); masing-masing 0.72 di Perlis dan Kedah dan masing-masing 0.68 di Kelantan dan Sabah.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : COVID-19

Melebihi 50 peratus

Oleh Raja Noraina
Raja Rahim
rnoraina@hmetro.com.my

Penggunaan katil ICU paling tinggi di KL iaitu 20 daripada 30 katil dikhaskan buat kes Covid-19

Kuala Lumpur

Kuala Lumpur dan Selangor merekodkan penggunaan katil wad unit rawatan rapi (ICU) bagi merawat pesakit Covid-19 melebihi 50 peratus.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, penggunaan katil ICU paling tinggi dicatatkan di Kuala Lumpur iaitu 20 daripada 30 katil yang dikhaskan untuk kes Covid-19.

"Selain itu, Selangor sudah menggunakan 50 peratus daripada keseluruhan



Bagi katil bukan ICU, terdapat dua negeri merekodkan

penggunaan katil melebihi 50 peratus iaitu Putrajaya dengan 81 peratus dan Selangor pula 59 peratus"

Dr Noor Hisham Abdullah

86 katil ICU yang diperuntukkan untuk merawat pesakit Covid-19.

"Bagi katil bukan ICU, terdapat dua negeri merekodkan penggunaan katil melebihi 50 peratus iaitu Putrajaya dengan 81 peratus dan Selangor pula 59 peratus," katanya dalam kenyataan, semalam.

Beliau berkata, tiada negeri yang menunjukkan peratusan penggunaan katil di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC) melebihi 50 peratus.

Katanya, pesakit Covid-19 yang memerlukan alat bantuan pernafasan (ventilator) pula menurun kepada 153 orang dengan peratusan penggunaan alat bantuan

itu ialah 17 peratus daripada keseluruhan ventilator untuk merawat pesakit Covid-19 dan bukan Covid-19.

Selain itu, Dr Noor Hisham berkata, terdapat juga kes Covid-19 berisiko tinggi daripada kategori satu dan dua yang memerlukan ke-
masuk ke PKRC dan hospital sebagai langkah berjaga-jaga.

Beliau berkata, 663 kes Covid-19 dimasukkan ke hospital dengan 378 kes membabitkan kategori satu dan dua manakala 285 kes lagi kategori tiga hingga lima.

Rekod 14,692 jangkitan

Kuala Lumpur: Jumlah kes harian Covid-19 merekodkan sebanyak 14,692 kes kelmarin membabitkan 14,474 jangkitan tempatan dan 218 kes import.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, perkembangan itu menjadikan jumlah keseluruhan kes Covid-19 di negara mencecah 4,234,087 kes.

Beliau berkata, sebanyak 261 kes memerlukan rawatan di unit rawatan rapi (ICU) yang mana 124 kes disahkan Covid-19 manakala 137 kes disyaki, kemungkinan dan dalam siasatan.

Katanya, kes yang memerlukan bantuan pernafasan pula 153 iaitu 64 kes disahkan Covid-19 dan 89 kes disyaki, kemungkinan

serta dalam siasatan.

"Daripada keseluruhan kes harian kelmarin, kebanyakan pesakit dilaporkan pada kategori satu iaitu 8,557 kes diikuti 6,056 kes kategori dua manakala kategori tiga (27 kes), kategori empat (19 kes) dan kategori lima (33 kes).

"Berdasarkan pecahan kes kategori tiga hingga lima, 19 kes tidak divaksinasi atau belum lengkap vaksinasi, menerima dua dos vaksin (42 kes) dan sudah menerima dos penggalak (18 kes).

"Pesakit dalam kategori berkenaan juga adalah kalangan berusia 60 tahun ke atas membabitkan 46 kes dan mempunyai komorbid pula 42 kes," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Dari Thailand mahu ke Selangor



WARGA Thailand, Azman Ismail, 27, menunjukkan aplikasi MySejahtera ketika memasuki pintu sempadan Malaysia-Thailand untuk menziarahi ahli keluarganya di Selangor selepas dua tahun tidak berjumpa akibat pandemik Covid-19 ketika tinjauan di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS), Bukit Kayu Hitam.

67.3% dewasa sudah dapat dos penggalak

Kuala Lumpur: Seramai 6,129 kanak-kanak berumur antara lima dan 11 tahun sudah lengkap menerima dua dos vaksin Covid-19, menerusi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Kanak-Kanak (PICKids), setakat kelmarin.

Berdasarkan laman sesawang COVIDNOW, seramai 1,346,625 kanak-kanak atau 38 peratus daripada populasi kanak-kanak, telahpun menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Sementara, seramai 15,844,706 individu atau 67.3 peratus daripada populasi dewasa di negara ini sudah menerima dos penggalak, 22,954,459 individu atau 97.6 peratus daripada populasi dewasa sudah

lengkap vaksinasi mereka, manakala 23,230,239 atau 98.8 peratus menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Bagi remaja berusia antara 12 ke 17 tahun, seramai 2,853,182 individu atau 91.7 peratus daripada kumpulan itu lengkap divaksinasi, manakala 2,949,478 atau 94.8 peratus menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Sebanyak 25,702 dos vaksin diberikan kelmarin, membabitkan 8,752 suntikan pertama, 5,292 suntikan kedua dan 11,658 suntikan dos penggalak, menjadikan jumlah kumulatif pemberian vaksin menerusi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (Pick) meningkat kepada 68,972,658 dos.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : FASA PERALIHAN KE ENDERMIK

Kes keracunan makanan menurun

SHAH ALAM - Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah memaklumkan kes keracunan makanan di negara ini menunjukkan tren penurunan sejak tiga tahun lalu.

Menurutnya, tren penurunan episod keracunan makanan dicatatkan iaitu 516 kes pada tahun 2019, 288 kes pada 2020 dan 197 kes pada 2021.

"Dalam situasi pandemik Covid-19, kes keracunan makanan terus menurun sebanyak 31.6 peratus iaitu daripada 288 kes pada tahun 2020 kepada 197 kes pada 2021," katanya dalam satu kenyataan pada Ahad.

Beliau menambah, episod keracunan makanan di Malaysia semasa bulan Ramadan juga mencatatkan penurunan pada tahun 2020 iaitu 22 kes berbanding 36 kes tahun sebelumnya.

Manakala terdapat peningkatan kes keracunan makanan pada tahun 2021 iaitu sebanyak 39 kes (77.3 peratus).

"Hal ini berkemungkinan besar disumbangkan oleh pembelian juadah makanan di luar setelah kebenaran pengoperasian bazar Ramadan dilaksanakan pada tahun 2021 bersekali beberapa prosedur operasi standard (SOP) yang ketat," jelasnya.



DR NOOR HISHAM

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 31

RUANGAN : SINAR NEGERI

Lebih 3,000 kes Covid-19 di Petaling

SHAH ALAM - Mukim Petaling mencatatkan sebanyak 3,028 kes Covid-19, menjadikan ia kes tertinggi di Selangor setakat jam 11.59 malam pada Sabtu.

Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS) menerusi satu hantaran di Facebook memaklumkan nilai itu adalah sebahagian daripada jumlah keseluruhan kes Covid-19 di Selangor sebanyak 8,662 kes pada hari sama.

Menurut hantaran tersebut, jumlah keseluruhan tersebut meliputi sebanyak 8,569 kes komuniti, empat kes penjara dan 89 kes Import A.

"Di mukim Petaling, daerah yang mencatatkan kes tertinggi Covid-19 ialah Petaling dengan jumlah sebanyak 1,400 kes, diikuti dengan Damansara (1,139); Sungai Buloh (332) dan Bukit Raja (156).

"Selain itu, mukim kedua yang mempunyai kes Covid-19 tinggi ialah Gombak dengan jumlah kes sebanyak 1,602 kes, diikuti dengan Hulu Langat (1,566); dan Klang (1,271)," kata hantaran tersebut pada Ahad.

Dalam pada itu, JKNS turut memaklumkan beberapa mukim di Selangor terus mencatatkan bilangan kes Covid-19 di bawah 1,000 kes iaitu mukim Kuala Langat sebanyak 555 kes, diikuti Kuala Selangor (234); Sepang (226); Hulu Selangor (106) dan Sabak Bernam (74).

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NEWS/NATION

ON SATURDAY

COVID-19 CASES DROP BELOW 15,000

99 per cent of cases are in categories 1 and 2, says Health D-G

KUALA LUMPUR

THE number of new Covid-19 cases in Malaysia dropped to 14,692 on Saturday, with 99.46 per cent in Categories 1 and 2, said Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

This brings the case numbers to 4,234,087 since the pandemic began two years ago.

Dr Noor Hisham said 8,557 cases, or 58.24 per cent, were in Category 1 and 6,056 cases, or 41.22 per cent, were in Category 2.

"There are 27 cases in Category 3, 19 in Category 4 and 33 in Category 5," he said in a statement yesterday.

Categories 1 and 2 comprise mild cases, and Category 5 involves cases with severe symptoms.

Dr Noor Hisham said 261 patients were receiving treatment in intensive care units (ICU), with 153 cases requiring ventilator



A volunteer on duty at a vaccination centre in Melaka Mall recently. PIC BY SYAFEEQ AHMAD

support.

A total of 663 cases were admitted to hospital on Saturday, with 285 cases in categories 3 to 5, and the rest in categories 1 and 2.

Dr Noor Hisham said 20,383 recoveries were reported on Saturday, bringing the total to 3,997,786.

On the use of health facilities for Covid-19 cases, he said ICU bed occupancy in Kuala Lumpur

was at 67 per cent and in Selangor it was at 50 per cent.

"No states recorded use of more than 50 per cent of beds at low-risk Covid-19 quarantine and treatment centres.

"The number of Covid-19 patients requiring ventilators dropped to 153, or 17 per cent."

The Covid-19 infectivity rate or Rt value was at 0.85, with Selangor registering the highest at 1.06. Kelantan and Sabah had the low-

est rate at 0.68.

Dr Noor Hisham said two new clusters were detected on Saturday, bringing the number of active clusters to 190.

Meanwhile, 6,129 children aged 5 to 11 have completed two doses of the Covid-19 vaccine under the Covid-19 National Immunisation Programme for Children (PICK-ids) up to Saturday.

The Health Ministry's Covid-Now website stated that 1,346,625

children, or 38 per cent, of the child population have received one dose of the vaccine.

Meanwhile, 15,844,706 individuals or 67.3 per cent of the adult population have received the booster dose.

A total of 22,954,459 individuals or 97.6 per cent of the adult population have been fully vaccinated against Covid-19, and 23,230,239 or 98.8 per cent have received at least one dose.

For adolescents aged 12 to 17, a total of 2,853,182 individuals, or 91.7 per cent, have completed their vaccinations, and 2,949,478 or 94.8 per cent have received at least one dose.

On Saturday, 25,702 doses of the vaccine were dispensed comprising 8,752 first doses, 5,292 second doses and 11,658 booster doses, bringing the total to 68,972,658.

Data the ministry deposited on GitHub showed that 56 deaths were recorded on Saturday, with Perak, Selangor and Kuala Lumpur recording the highest number of fatalities with 10 cases each. Johor logged eight deaths and Kedah recorded seven.

Three deaths were recorded in Melaka, two each in Negri Sembilan and Pahang, and one each in Penang, Sabah, Sarawak and Terengganu. **Bernama**

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : LETTERS

VACCINATION FOR KIDS

Parents must not 'wait and see'

I refer to the media statement by the Health Ministry on March 29.

The reported 160 per cent increase in hospital admissions of children aged 5 to 11 due to Covid-19 is alarming.

However, the worrying trend of hospitalisations is not reflected in the current rates of vaccination among this group.

Up to March 30, only 37.3 per cent, or a third of the child population, have received the first dose of the vaccine under the Covid-19 National Immunisation Programme for Children (PICKids).

Kelantan and Terengganu have an even lower percentage. This is disconcerting progress since Malaysia has a sufficient supply of vaccines for this high-risk group.

The common reasons cited by parents who reject or delay vaccination for their children are related to the possible side effects of the vaccines.

I believe many parents do not think twice about getting Covid-19 vaccination for themselves.

Yet, when it comes to their children's wellbeing, many parents adopt the "wait and see" approach to see how things turn out for other vaccinated

children in this group.

I can relate to these reasons because I am one of those parents. When my two sons were younger, they had severe food allergies that led to serious respiratory conditions and countless hospitalisations.

I was naturally concerned whether the Covid-19 vaccine would have any adverse effects on them. Nonetheless, their medical history is the very reason why they need the vaccine.

We need to realise that young children are at risk from long-term Covid-19 symptoms.

The life-threatening condition called multisystem inflammatory syndrome in children (MIS-C), as reported in reliable medical studies, motivated me to speed up my children's vaccination despite a slight delay due to my initial reservations.

I am glad that my kids did not have any adverse reaction after their first dose of Pfizer. If your children have a history of allergies like mine, do not entirely reject the Covid-19 vaccination.

I suggest that you take extra precautions by consulting with a specialist, who will most likely suggest that your



Parents must speed up Covid-19 vaccination for their children. PIC BY DANIAL SAAD

kids be vaccinated at a hospital, and not at a vaccination centre or private clinic.

I believe that I have not only made my best efforts to protect the wellbeing of my children, but also the community, especially the vulnerable groups such as newborns and severely ill patients.

Many would agree that vaccinated children have milder and temporary side effects compared with adults.

In the shift to the endemic phase, parents should not play the "wait and see" game any more. We cannot afford more school closures due to Covid-19 after more than 2 years of fragmented schooling.

All of us need to internalise that the benefits of Covid-19's vaccinations far

outweigh the possible side effects. I applaud the Health Ministry and the frontliners for their continuous efforts in urging all parents to get their children vaccinated through MySejahtera appointments and walk-ins.

At the rate the virus is infecting our children, how sure are we that our children will not be the next victim? And how strong do we think they are to fight the virus without vaccination?

To all parents, we need to help the government pick up the pace of PICKids to achieve the elusive herd immunity. Let's play our part in making the transition to the endemic phase.

DR NORAZRIN ZAMRI

Senior lecturer, Academy of Language Studies, Universiti Teknologi Mara

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NATION

New cases dip below 15,000 mark

KUALA LUMPUR: The number of new Covid-19 cases in Malaysia dropped to 14,692 on Saturday, with 99.46% of them in Categories 1 and 2, says Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

This brings the cumulative figure to 4,234,087 cases since the outbreak began more than two years ago. He said 8,557 cases or 58.24% of the latest infections were in

Category 1 and 6,056 cases or 41.22% in Category 2.

Dr Noor Hisham said 261 cases were still receiving treatment in an intensive care unit (ICU), with 153 cases requiring ventilators.

A total of 663 cases were admitted to the hospital on Saturday, with 285 cases from Categories 3 to 5 and the rest from Categories 1 and 2.

Dr Noor Hisham also said 20,383

recoveries were reported on Saturday, bringing the cumulative number of recoveries to 3,997,786.

On the use of dedicated health facilities for Covid-19 cases, he said the ICU bed occupancy in Kuala Lumpur was 67% while Selangor recorded 50% usage on Saturday.

"No states recorded usage of more than 50% for beds at Low-Risk Covid-19 Quarantine and

Treatment Centres.

"The number of Covid-19 patients requiring ventilators dropped to 153," he added, reported Bernama.

The Covid-19 infectivity rate or Rt value in the country was 0.85, with Selangor still registering the highest at 1.06, while Kelantan and Sabah had the lowest rate at 0.68.

Dr Noor Hisham said two new clusters were detected on Saturday.

Shielded by a high vax rate

Healthcare system will be able to cope if spike occurs

By ASHLEY TANG

ashleytang@thestar.com.my

PETALING JAYA: With the reopening of the borders, public health experts believe that Covid-19 cases may increase but the country's high vaccination rate will prevent the healthcare system from being overwhelmed.

The rise in Covid-19 cases, said Universiti Malaya Department of Social and Preventive Medicine Faculty of Medicine's Prof Dr Moy Foong Ming, was "inevitable".

However, she said this would not burden the healthcare system due to the appropriate measures in place such as the country's high vaccination rate, the requirement for visitors to present a negative RT-PCR test, as well as surveillance through MySejahtera.

"Modelling data has shown that strict border closures could have helped limit viral transmission in the beginning of the pandemic but as the virus started spreading in other countries, these border closures have provided little benefit."

"What is important is that the Health Ministry should have an effective system in monitoring the Covid-19 status of visitors so that contingency plans can be taken quickly if and when the situation gets worse."

"Our own people, too, should



Easy does it: A child receiving his shot at a PPV in Shah Alam. With vaccination and measures in place, the country can ride out a surge.

comply with the vaccination regime and the booster doses as and when required by the government," she said in an interview.

Even with a surge in Covid-19 cases, Universiti Kebangsaan Malaysia health economics, hospital and health management lecturer Prof Dr Sharifa Ezat Wan Puteh anticipates that the majority of cases will be mild and not require high intensity care.

However, she believes that an estimated 10% to 15% of the cases

will be severe and require hospital admission.

"This will put a strain on the healthcare, especially if the cases are of the elderly and the young. These two extreme groups are of high risks," she said, adding that the current vaccination for boosters and for children must continue.

Agreeing, Medical Practitioners Coalition Association of Malaysia president Dr Raj Kumar Maharajah said the majority of the cases would be in Categories 1 and 2 but believed

that the situation might change if there was a new variant.

"If there is suddenly a new variant, and we are impacted by it or that the new variant is not covered by the current vaccine, then we may be caught off guard and our healthcare system will be overwhelmed," he said.

He advised the public to continue wearing their face masks in public and crowded areas, and to maintain physical distancing.

Meanwhile, as several countries such as the United States, Britain, and South Korea started offering a fourth dose for the elderly and the immunocompromised, public health experts here are divided on whether another shot is needed at this point in time.

Dr Raj said the second booster shot was "inevitable", noting that the Covid-19 vaccine might become like the annual flu vaccine.

Dr Sharifa said Malaysia could follow suit once it had the necessary data from the country's transition to endemicity as this would validate the need for the second booster.

But Dr Moy believes that more evidence is still required.

"This needs to be considered through continuous monitoring of data."

"At this point, a second booster dose for those who are high risk may be premature," she said.

More than 6,000 kids fully vaccinated

KUALA LUMPUR: A total of 6,129 children aged between five and 11 years old have completed their two-dose Covid-19 vaccination under the National Covid-19 Immunisation Programme for Children as of Saturday.

Based on the CovidNow website, 1,346,625 children or 38% of the child population in Malaysia have received the first dose of the vaccine.

A total of 15,844,706 individuals or 67.3% of the adult population in the country have received the Covid-19 booster dose and 22,954,459 individuals or 97.6% have been fully vaccinated, while 23,230,239 or 98.8% have received at least one dose.

For adolescents aged 12 to 17, a total of 2,853,182 individuals or 91.7% of the group have completed their vaccination, while 2,949,478 or 94.8% have received at least one dose.

On Saturday, 25,702 doses were dispensed involving 8,752 as first dose, 5,292 as second dose and 11,658 booster doses, bringing the cumulative number of vaccine doses administered under the National Covid-19 Immunisation Programme to 68,972,658.

According to the Health Ministry's GItHub portal, 56 deaths were recorded with Perak, Selangor and Kuala Lumpur recording the highest number of fatalities with 10 cases each, followed by Johor eight and Kedah seven.

Melaka recorded three cases, Negri Sembilan and Pahang recorded two each, while Penang, Sabah, Sarawak and Terengganu had one death each. — Bernama